

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 17

### Jaringan 5G bantu rancakkan ekonomi

## Jaringan 5G bantu rancakkan ekonomi

**Kuala Lumpur:** Jaringan telekomunikasi Generasi Kelima (5G) dapat membantu perkembangan ekonomi khususnya di Sarawak, sekaligus diperluaskan di seluruh negeri itu termasuk kawasan pedalaman.

Timbalan Menteri Utility dan Telekomunikasi I (Telekomunikasi) Datuk Liwan Lagang berkata, ketersambungan jaringan internet sangat penting ketika ini bukan saja untuk industri, tetapi landskap pendidikan.

"Saya sendiri melihat demonstrasi jaringan 5G serta keupayaananya dan saya sangat tertarik dengan masa depan jaringan ini jika ia diperluaskan di semua lokasi terutamanya di kawasan pedalaman di Sarawak."

"Kita melihat bahawa penyampaian pendidikan boleh dilakukan secara interaktif antara jurang yang jauh dengan tempoh waktu sebenar tanpa kelengahan, ini sesuatu yang baik."

"Bagaimanapun, saya turut mengharapkan bahawa ketersambungan 5G ini dapat dinikmati untuk semua peringkat pengguna khususnya di Sarawak tidak mengira lokasi mereka dan tidak hanya tertumpu di bandar-bandar saja," kata-nya.

Beliau berkata demikian ketika ucapan penutup demonstrasi Teknologi 5G Digital Nasional Berhad (DNB)-Ericsson di Universiti Curtin, Miri, Sarawak.

Liwan berkata, pihaknya juga melihat bahawa ketersediaan jaringan 5G ini akan meningkatkan tahap ekonomi negeri berkenaan sekali-gus meningkatkan keupayaan industri secara menyeluruh.



Saya sendiri melihat demonstrasi jaringan 5G serta keupayaananya dan saya sangat tertarik dengan masa depan jaringan ini jika ia diperluaskan di semua lokasi terutamanya di kawasan pedalaman di Sarawak"

Liwan Lagang

"Ketersambungan ini sangat penting untuk semua rakyat Sarawak, tidak mengira di mana mereka berada dan saya melihat keupayaan 5G ini mempunyai masa depan yang sangat baik."

"Sudah menjadi harapan semua pihak khususnya rakyat Sarawak, jaringan ini akan dapat dinikmati secara meluas dan menyeluruh tidak lama lagi," katanya.

Untuk rekod, pada Oktober lalu, sebanyak 90 daripada 339 tapak 5G sudah siap sepenuhnya membabitkan kawasan Kuching, Bintulu dan Miri.

Januari lalu, DNB mengumumkan jaringan 5G di seluruh negara sudah mencapai hampir 50 peratus untuk liputan di kawasan berpendudukan (COPA).

DNB menyasarkan akar mencapai 80 peratus jaringan pada penghujung 2022 merangkumi lebih 30 juta pengguna serta perniagaan.

Kuala Lumpur menjadi lokasi paling tinggi peratus COPA iaitu 97.5 peratus diikuti oleh Putrajaya dengan 97.1 peratus dan Selangor dengan 89.5 peratus.